

18 OCT 2001

APEC-Mahathir

DR MAHATHIR BERBINCANG DENGAN BUSH, JIANG DAN PUTIN DI SHANGHAI

Oleh: Mohd Kamel Othman

SHANGHAI, 18 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan tiba Sabtu ini untuk mesyuarat dua hari ketua-ketua kerajaan forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC), mempunyai aturcara yang ketat termasuk berbincang dengan pemimpin-pemimpin utama dunia.

Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Amerika Syarikat George W.Bush, Presiden China Jiang Zemin dan Presiden Rusia Vladimir Putin.

Mengikut aturcara beliau yang dikeluarkan di sini hari ini, Dr Mahathir juga akan menghadiri jamuan tengah hari bersama pemimpin-pemimpin Asean yang dianjurkan oleh Sultan Brunei di Grand Hyatt Hotel.

Daripada 10 negara anggota Asean, Myanmar, Laos dan Kemboja tidak menyertai APEC.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan utama pada sidang kemuncak ketua pegawai eksekutif APEC. Beliau ialah antara lapan pemimpin APEC yang akan berucap pada sidang kemuncak selama tiga hari itu.

Yang lain ialah Jiang, Bush dan Putin serta juga Perdana Menteri New Zealand Helen Clark, Presiden Mexico Vicente Fox, Perdana Menteri Australia John Howard dan Ketua Eksekutif Hong Kong Tung Chee Hwa.

APEC yang ditubuhkan pada 1989 dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Filipina, Peru, Rusia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Pada Ahad, Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin lain akan menandatangani Naskhah APEC sebelum mereka pergi beristirehat.

Selepas upacara membaca Perisytiharan Pemimpin-pemimpin APEC, Perdana Menteri akan melawat Dino Beach Waterpark dan kemudian menghadiri perasmian Restoran Kyros Kebab Restaurant owned by Gettmore Group Sdn Bhd.

Pada pagi Isnin, beliau akan melawat wilayah Qingdao di utara Shanghai, sebelum berlepas ke Korea Selatan pada keesokannya.

-- BERNAMA

MKO AHH MAI